



Bercakap Cakap Dengan Sunyi:

Membaca Diari Zakaria Ali

Oleh: Syed Ahmad Fathi (fathi137@gmail.com)

Diari saya kira merupakan satu penulisan yang mengasyikkan. Berbeza dengan penulisan akademik yang biasanya menghilangkan diri si penulis, diari meletakkan penulis di tengah-tengah penulisan. Maka nilai dan aura keinsanan itu sentiasa kuat dalam penulisan diari. Pembaca tidak membaca satu penulisan yang terpisah atau terawang-awangan, sebaliknya pembaca membaca dengan dekat perihal peribadi penulis itu, malah sebenarnya pembaca sedang memasuki alam peribadi si penulis, memahami dunianya dari dalam.

Diario de Mexico tulisan Zakaria Ali yang berjaya saya habiskan pada penghujung 2024 ini merupakan buah tangan yang saya dapatkan dari Tokosue, sebuah kedai buku kecil mandiri di Wisma Central, Kuala Lumpur yang menjual buku-buku dan karya seni yang jarang boleh didapati di gedung-gedung buku besar.¹ Tulisannya bersahaja dan segar.

Saya ada menulis sedikit catatan awal perihal buku ini ketika mula membacanya.² Di mana dalam catatan awal ini, saya merasakan kembara Zakaria Ali di Mexico pada zaman 70-an itu merupakan kembara di zaman emas para pelajar Malaysia mengembara di dunia. *Vibe* kembaranya persis *vibe* dalam buku *Kembara Darus Senawi 1963* yang mencatatkan pengembaraan Ustaz Darus Senawi ke Mesir menaiki kapal laut pada 1963.³ Membaca kembara orang dulu-dulu ini menarik kerana susah payah kembara pada zaman tersebut sangat *real*. Zaman tersebut belum ada teknologi pengangkutan dan komunikasi canggih dan selesa seperti yang wujud pada hari ini. Oleh itu jerih payah pengembaraan itu boleh kita telusuri dalam aksara-aksaranya. Tetapi di celah-celah kesusahan itu, pasti diselitkan juga manisnya di mana.

Sebagai seorang seniman, Zakaria Ali merasakan imej dan gambar itu lebih meninggalkan kesan yang lama kepada manusia berbanding baris-baris aksara.⁴ Saya merasakan perkara ini ada benarnya, namun tidak semua manusia itu mempunyai bakat meninggalkan perasaan dan pengalaman melalui imej dan lukisan. Oleh itu, dalam banyak hal, medium penulisan masih merupakan medium terbaik untuk meninggalkan perasaan dan pengalaman. Jika dikatakan bahawa penulisan itu tidak dapat meninggalkan pengalaman dan perasaan yang tepat kerana ia terdedah dengan tafsiran, imej dan lukisan juga pada perkiraan saya dimaknai dengan berbeza apabila ia dinikmati oleh insan yang berbeza. Dalam kata lain, imej juga tidak terlepas dari tafsiran dan

¹ Zakaria Ali. *Diario de Mexico*. Kedai Hitam Putih, 2019.

² Catatan awal ini boleh dilihat di posting bertajuk "Memori Permusafiran & Pembacaan di Celahannya". *Meniti Jambatan Masa*, 15 Disember 2024. Pautan: <https://bersamakepuncak.blogspot.com/2024/12/memori-permusafiran-pembacaan-di.html>

³ Darus Senawi dan Izzat Ibrahim. *Kembara Darus Senawi 1963*. Kasi terbit, 2021.

⁴ Zakaria Ali. *Diario de Mexico*., hlm. xvi.

subjektiviti. Walaupun imej dan aksara itu sentiasa terdedah pada tafsiran, saya merasakan kita semua perlu meninggalkan pengalaman dan perasaan kita, baik dalam bait atau imej, kerana kita juga sebenarnya sebahagian dari sejarah. Penulis diari bagi saya merupakan *homo historicus*, iaitu seseorang yang mempunyai kesedaran sejarah, dengan meninggalkan penulisannya, mereka akan menjadi sebahagian dari sejarah.⁵

Bias & Prejudis: Peribumi Dari Kacamata Luar

Dalam diari ini, Zakaria Ali sejak dari awal melihat orang-orang Mexico dalam kanta yang negatif. Orang-orangnya dilabelkan dengan pelbagai label yang tidak baik seperti “penyangak”, keadaan negaranya juga dianggap tidak stabil dan dibimbangi dengan keberadaan *bandidos* dan juga hantu-hantu revolusioner.⁶ Selain itu, mereka juga ditulis sebagai “beruk-beruk berlagak *macho* dari Puebla” dan juga “gengster olok-olok”.⁷ Membaca deskripsi negatif yang dilontarkan kepada masyarakat peribumi ini memperingatkan saya perihal penulisan kolonial yang begitu prejudis terhadap masyarakat peribumi di Tanah Melayu pada satu ketika dahulu. Orang Melayu dikatakan sebagai pemalas dan sistem pemerintahan mereka dikatakan mundur, terkebelakang, dan feudal. Mungkinkah ini sememangnya fitrah penulis luar apabila menganalisa masyarakat yang berbeza darinya? Saya merasakan setiap masyarakat itu pastilah ada elemen-elemen jahat dan juga negatifnya, dalam masa yang sama, pasti juga ada elemen positif dan baik didalamnya.

Dalam masa yang sama, saya sedar bahawa deskripsi negatif yang dilontarkan oleh Zakaria Ali kepada masyarakat Mexico pada tahun 1970-an itu didasari pengalaman buruknya berurusan dengan pegawai, polis, dan pekerja di sana. Misalnya, beliau menceritakan perihal begitu susah untuk beliau mendapatkan barangan didalam peti yang dibawa bersamanya ke Mexico.⁸ Walaubagaimanapun, Zakaria Ali tetap mahu dirinya di-mexico-kan, kerana untuk memahami masyarakat yang dikajinya, beliau perlulah berubah menjadi seperti mereka bagi memahami kehidupan mereka dari dalam dan dengan lebih intim. Di sini mungkin kita melihat satu nuansa yang lebih positif, walaupun Zakaria Ali tidak suka dengan kebanyakan perilaku orang Mexico, dia mahu menjadi sebahagian dari mereka dalam usahanya memahami masyarakatnya beserta seni yang dihasilkan mereka.

Selain label negatif, pemerhati luar juga akan cuba mencari persamaan antara masyarakat yang dilihat dan dianalisa dengan masyarakatnya sendiri. Misalnya ketika memperhatikan upacara keagamaan orang Indian di Mexico, Zakaria Ali melihat kekhusyukan mereka beribadat persis seperti orang-orang Melayu di surau kampung.⁹ Dalam hal ini, saya teringat akan apa yang disebutkan oleh ahli sejarah E.H. Carr bahawa seseorang penulis itu adalah produk masyarakatnya, penulis itu tidak boleh dipisahkan dari masyarakat di mana dia lahir dan tumbuh.¹⁰ Maka tidak hairanlah dalam menganalisa masyarakat Mexico, Zakaria Ali membuat persamaan-persamaan perihal apa yang dilihatnya dengan amalan masyarakatnya sendiri.

⁵ Kupasan lebih lanjut perihal manusia sejarah ini telah saya kembangkan dalam buku saya yang bertajuk *Homo Historicus: Perkembangan Kesedaran Sejarah di Malaysia*. Cakna, 2024.

⁶ Zakaria Ali. *Diario de Mexico*, hlm. 9-10.

⁷ *Ibid.*, hlm. 156.

⁸ *Ibid.*, hlm. 19.

⁹ *Ibid.*, hlm. 83.

¹⁰ E.H. Carr. *What is History?* Penguin Books, 1964. Lihat terutamanya hlm. 35-55 dalam bab “Society and the Individual”.

Bercakap Cakap Dengan Sunyi

Membaca diari Zakaria Ali, kita akan mendapati banyak tema-tema kesunyian di dalamnya. Misalnya, apabila beliau mendaki Gunung Popo di Mexico, permandangannya mengingatkannya pada kesunyian seperti uzlah Nabi Muhammad di Gua Hira. Keindahan permandangan Gunung Popo juga bagi Zakaria Ali telah mempengaruhi Tamadun Aztek yang pernah berdiri di Mexico. Aspek kesunyian bagi Zakaria Ali merupakan sarana bagi manusia untuk mengenali Ilahi.¹¹ Saya sangat bersetuju akan hal ini, saya sendiri merasakan kesunyian itu adalah teman baik kepada penulis.¹² Malah, jika kita membaca tulisan falsafah seperti *The History of Hayy Ibn Yaqzan* karya Abu Bakr Ibn Tufail, kita akan mendapati tema kesunyian itu mendapat peranan yang besar dalam pembangunan insan dan kembaranya dalam memahami kehidupan. Kesunyian yang disebut sebagai *solitude* diangkat oleh Ibn Tufail sebagai metod untuk bertafakkur dan berfikir bagi mencapai ilmu yang tertinggi.¹³ Jadi tidak hairanlah dalam diarinya, Zakaria Ali juga mengangkat kesunyian sebagai penemannya di Mexico, kesunyian yang mengubati kesedihan.¹⁴

Selain menulis perihal observasi dan juga kehidupannya di Mexico, Zakaria Ali juga kerap di dalam diarinya membincangkan kepentingan menulis diari itu sendiri. Bagi beliau, diari adalah dirinya yang satu lagi, sebuah diri yang muncul bagi mencari ketenangan.¹⁵ Perkara ini saya kira sangat dekat dengan pengalaman peribadi saya sendiri. Sering kali penulisan itu menjadi jalan keluar saat minda terasa berat. Dengan menulis, segala kekusutan minda turut terlerai bersama tinta-tinta yang terbit. Namun apabila saya menyelak diari Zakaria Ali, tidak semua hari ditulis apa yang berlaku di dalamnya walaupun beliau ada menyatakan bahawa beliau berusaha menulis diari hampir setiap hari. Kemungkinan besar, sebahagian dari diari ini telah ditapis dan tidak diterbitkan secara keseluruhan.

Selain menulis, Zakaria Ali juga merakamkan kenikmatan kesunyian mengembara. Kesunyian yang hadir dari pengembaraan bagi beliau mempunyai kualiti yang berbeza.¹⁶ Menghasilkan kehidupan yang lebih berona dan tidak hanya berputar dalam rutin-rutin yang sama. Perkara ini saya kira hanya dapat dirasai oleh mereka yang mengembara, mereka sahaja yang akan merasai nikmat kesunyian ini. Kembara juga sebenarnya melahirkan pelbagai perasaan dan pemikiran, disebabkan itulah kita melihat terhasilnya begitu banyak buku-buku travelog. Penghasilan travelog ini bagi saya merupakan bukti tentang bagaimana kesunyian dalam pengembaraan itu melahirkan satu kenikmatan yang akhirnya dirasakan begitu penting hingga ia ditulis dan dibukukan.

Diari Zakaria Ali ini merupakan diari yang ditulisnya ketika dia menyambung pengajian di peringkat sarjana dalam sejarah seni, oleh sebab itu, renungan kesunyiannya juga memuatkan renungan-renungan seninya. Beliau menulis perihal pandangan dan perasaannya apabila dapat meneliti karya seni. Juga petikan dari kata-kata seniman seperti Jose Clemente Orozco yang jujur mengatakan bahawa hidupnya tidak mengandungi hal-hal luar biasa, sebaliknya dia hanya seorang pelukis yang

¹¹ Zakaria Ali. *Diario de Mexico*, hlm. 47.

¹² Getusan perihal peranan kesunyian kepada penulis ada saya notakan dalam penulisan bertajuk “Kesunyian Adalah Teman Baik Penulis”. *Meniti Jambatan Masa*, 24 Disember 2024. Pautan: <https://bersamakepuncak.blogspot.com/2024/12/kesunyian-adalah-teman-baik-penulis.html>

¹³ Rujuk Abu Bakr Ibn Tufail (terjemahan Simon Ockley). *The History of Hayy Ibn Yaqzan*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, 2020. Buku ini ada saya huraikan dengan lebih mendalam dalam artikel yang bertajuk “Memahami Falsafah Kehidupan Dari Allegori Hayy Ibn Yaqzan Karya Ibnu Tufail.” *Academia Book Review*, 2022.

¹⁴ Zakaria Ali. *Diario de Mexico*, hlm. 74.

¹⁵ *Ibid.*, hlm. 88.

¹⁶ *Ibid.*, hlm. 120.

mengambil peluang untuk belajar melukis dan mempraktikkan seninya. Bagi Zakaria Ali, ungkapan ini menjadikan Orozco sebagai seorang seniman yang jujur.¹⁷

Penutup

Diari Zakaria Ali perihal kelananya di Mexico ini bagi saya merupakan karya yang enak dibaca. Renungan-renungannya jujur, mungkin terlalu jujur dan boleh jadi disalah sangka. Terutamanya kejujuran beliau dalam mengkritik orang-orang Mexico yang memberikan beliau pengalaman yang kurang senang di sana. Renungan-renungan kesunyian di dalam diari ini juga bagi saya sangat dekat dengan jiwa penulis. Maka bolehlah saya simpulkan bahawa kesunyian itu adalah teman baik bagi seorang penulis.

Bibliografi

Carr, E. (1964). *What is History*. Penguin Books.

Darus Senawi, & Izzat Ibrahim. (2021). *Kembara Darus Senawi 1963*. Kasi Terbit.

Ibnu Tufail, A. (2020). *The History of Hayy Ibn Yaqzan (Translated by Simon Ockley and with introduction by Bakhtyar Husain Siddiqi)*. Islamic Book Trust, 2020.

Syed Ahmad Fathi. (2022). Memahami Falsafah Kehidupan Dari Allegori Hayy Ibn Yaqzan Karya Ibnu Tufail. *Academia Book Review*.

Syed Ahmad Fathi. (2024). *Homo Historikus: Perkembangan Kesedaran Sejarah di Malaysia*. Petaling Jaya: Cakna.

Syed Ahmad Fathi. (2024, Disember 24). Kesunyian Adalah Teman Baik Penulis. *Meniti Jambatan Masa*.

Syed Ahmad Fathi. (2024, Disember 15). Memori Permusafiran & Pembacaan di Celahannya. *Meniti Jambatan Masa*.

Zakaria Ali. (2019). *Diario de Mexico*. Kota Bharu: Kedai Hitam Putih.

¹⁷ *Ibid.*, hlm. 158.